

01/07/1998

Patuhi garis panduan alam sekitar

KUALA LUMPUR, Selasa - Semua pihak yang terbabit dalam projek pembangunan, terutama di kawasan sensitif diminta mematuhi setiap garis panduan dan peraturan berhubung alam sekitar dalam usaha melindungi dan memulihara sumber air di kawasan berkenaan.

Pihak terbabit, termasuk kontraktor dan pemaaju diminta mengehadkan penggunaan tanah, khususnya di kawasan berkenaan, yang membabitkan kawasan tadahan air.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata selain itu, pengusaha industri, penternak dan penduduk yang menetap di kawasan berhampiran sungai diingatkan supaya tidak membuang sisa, termasuk sampah-sarap di sungai.

"Semua peringatan ini dikemukakan kepada Majlis Sumber Air Negara (MSAN) dalam mesyuarat pertama yang berlangsung semalam dan nampaknya ia diterima baik.

"Semua menteri besar dan anggota majlis sedar perkara itu perlu ditekankan dalam usaha melindungi dan memulihara sumber air negara bagi memastikan bekalan berterusan kepada pengguna," katanya selepas merasmilan Projek Riadah Alam Sekitar 1998 (Prias '98), di sini hari ini.

Law berkata, selain membincangkan aspek jaminan bekalan, MSAN juga membincangkan soal melindungi dan memulihara sumber itu.

Mesyuarat pertama MSAN yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam menyaksikan persetujuan semua negeri untuk mengadakan kerjasama membekalkan air antara negeri tanpa perlu melakukan sebarang pindaan terhadap perlembagaan negeri masing-masing.

Perbincangan majlis itu turut membabitkan beberapa pendapat mengenai cara bagaimana air dari sebuah negeri dapat disalurkan ke negeri lain dan soal bayaran.

Dr Mahathir berkata, perkara utama yang ditimbulkan dalam mesyuarat itu ialah mengenai soal bayaran dan jenis air yang patut dibekalkan.

(END)